

U GB 19-07 00180 BC660

bah

Mahathir - Menteri

JAWATAN MENTERI HAL EHWAL SABAH MUNGKIN DIHAPUSKAN

PULAU PINANG, 19 Julai (Bernama) -- Jawatan Menteri Hal Ehwal Sabah mungkin dihapuskan kerana ia tidak lagi relevan ekoran Sabah kini diperintah oleh Barisan Nasional, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata Presiden Parti Demokratik Sabah Datuk Bernard Dompok bagaimanapun akan tetap dilantik sebagai menteri kabinet dengan satu portfolio lain tidak lama lagi.

Sebelum ini jawatan Menteri Hal Ehwal Sabah diwujudkan kerana BN tidak mempunyai sesiapa untuk dipertanggungjawabkan di Sabah, tetapi kini Ketua Menteri dan Timbalan Ketua Menteri adalah dari BN, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) di sini hari ini.

Oleh kerana itu, akan timbul banyak pertindihan tugas jika kita masih mempunyai Menteri Hal Ehwal Sabah, katanya.

Pada 24 Jun lepas, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika mengumumkan senarai lengkap kabinet negeri Sabah menyatakan bahawa Dompok akan dilantik sebagai Menteri peringkat persekutuan manakala Timbalan Presiden Akar, Datuk Jeffrey Kitingan sebagai Timbalan Menteri Persekutuan. -- Lagi

♥19/07/22-42MST

U GB 19-07 00093 BC661

bah

Mahathir - Menteri 2 (Akhir) Pulau Pinang

Ketika ditanya mengenai persediaan BN menghadapi pilihan raya umum, Dr Mahathir berkata BN bukan hanya menjalankan kewajipannya menjelang pilihan raya seperti mana dilakukan oleh sesetengah pihak.

"BN bekerja sepanjang masa untuk kebaikan negara dan yakin akan dapat mengekalkan kemenangan majoriti dua pertiga pada pilihan raya umum kelak," katanya.

Beliau juga yakin BN akan terus mengekalkan kuasanya di negeri ini dan menidakkan Program Tanjung 3 DAP untuk menguasai Pulau Pinang. -- Bernama
ANR KHY RON

♥19/07/22-42MST